




PARLADA 2.0

PELAN ANTIRASUAH

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (2025-2029)



Sidang Redaksi

Ketua Editor

Nur Fairuz Shahirah Binti Ab Jelani
Ketua Unit Integriti

Pasukan Editor

Wan Suffurinaz Binti Wan Sulaiman
Roshasnita Binti Roski
Wan Nor Asyikin Binti Wan Ismail
Hilal Aminur Rashid Bin Suhaimi



Penasihat

Tuan Haji Ahmad Fuad Bin Che Ani@Abd Ghani
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan)

ISI KANDUNGAN

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif LADA	5
Komitmen Pengurusan Tertinggi LADA	6
Tinta Integriti Ketua Unit Integriti	7
Ringkasan Eksekutif	8
Bab 1 : Pengenalan	
1.1 Latar Belakang	12
1.2 Fungsi Dan Peranan	13
1.3 Visi, Misi dan Dasar Kualiti	13
1.4 Nilai Teras	14
1.5 Dasar Tadbir Urus Berintegriti	14
1.6 Keperluan Pembangunan PARLADA	15
Bab 2 : Isu Dan Cabaran	
2.1 Isu Dan Cabaran Menangani Rasuah (Tren dan Impak)	18
2.2 Pembangunan PARLADA	18 - 19
2.3 Analisis Data	20
Bab 3 : Pengukuhan Aspek Governans, Integriti dan Antirasuah	
3.1 Kerangka Utama PARLADA 2.0	22
3.2 Strategi Utama Menangani Risiko	23
3.3 Ringkasan Kerangka PARLADA 2.0	24
3.4 Strategi Pelaksanaan PARLADA 2.0	24
3.5 Pelan Tindakan PARLADA 2.0	24 - 30
Bab 4 : Tadbir Urus PARLADA	
4.1 Mekanisme Pelaksanaan	32
4.2 Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan Dan Penilaian	33
Bab 5 : Kesimpulan	37 - 38
Penghargaan	39 - 40

PERUTUSAN

DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID

Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Langkawi



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah dan izin-Nya, Pelan Antirasuah Lembaga Pembangunan Langkawi atau dikenali dengan **PARLADA 2.0** (2025-2029) telah berjaya dihasilkan.

PARLADA merupakan dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi. PARLADA 2.0 juga merupakan pelan kesinambungan PARLADA 2020-2024 dan berfokuskan kepada dua Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional iaitu **Pendidikan** dan **Kebertanggungjawaban Awam**. Pelan ini diterbitkan sebagai rujukan utama selain bertindak sebagai panduan bagi warga kerja LADA serta Pengurusan LADA dalam menangani isu-isu berkaitan kelemahan integriti, tadbir urus dan antirasuah melibatkan *core business* dan aktiviti di Bahagian/Unit di LADA.

Perancangan seumpama ini akan dilaksanakan dengan komitmen yang tinggi oleh semua warga kerja LADA dalam memastikan kelangsungan penyampaian perkhidmatan kepada komuniti dan pemegang taruh LADA sentiasa cekap dan efisien. Semoga kesemua **49 substrategi** yang dirancang dapat dilaksanakan sepertimana tempoh yang ditetapkan dan saya percaya dengan adanya dokumen ini ia akan memastikan pembangunan organisasi yang lestari dan bebas rasuah dengan mengambil kira situasi kini dan masa hadapan.

KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI LADA

PARLADA 2.0 dihasilkan dengan iltizam berterusan daripada 12 Bahagian/Unit di Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) untuk memperkukuhkan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam kalangan warga kerja melalui pelaksanaan tindakan preventif dan proaktif sepertimana ketetapan pelan ini. Dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan menjalankan tugas yang diamanahkan, LADA amat serius menangani isu pelanggaran integriti, rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan yang melibatkan warga kerja LADA. Matlamat pelan ini adalah selari dengan Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional atau dikenali *National Anti-Corruption Strategy* (NACS) 2024-2028 iaitu menggembeleng segala usaha menangani pelbagai isu berkaitan tatakelola, integriti dan pencegahan rasuah. Tambahan lagi, matlamat NACS adalah untuk mengukuhkan integriti, ketelusan, dan kebertanggungjawaban semua pihak di seluruh negara.

PARLADA 2020-2024 yang berakhir pada tahun 2024 telah berjaya melaksanakan keseluruhan 66 pelan tindakan/inisiatif, bersamaan dengan pencapaian keseluruhan sebanyak 100%. Selain itu, LADA sentiasa komited dalam membudayakan amalan integriti dalam penyampaian perkhidmatan melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa serta pengamalan nilai-nilai baik. Makanya, dengan penghasilan PARLADA 2.0, LADA dapat memastikan kelangsungan sistem penyampaian perkhidmatan awam berdasarkan prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti.



Tuan Haji Ahmad Fuad Bin Che Ani@ Abd Ghani
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan)



Tuan Wan Kamarul Faisal Bin Wan Kamardin
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perancangan dan Pembangunan)

TINTA

TINTA KETUA UNIT INTEGRITI LADA

NUR FAIRUZ SHAHIRAH BINTI AB JELANI

Ketua Unit Integriti



Penghasilan PARLADA 2.0 dibangunkan selaras dengan penggubalan NACS 2024-2028. NACS menggambarkan keyakinan dan komitmen bersama Kerajaan ke arah menghapuskan segala bentuk rasuah melalui strategi terperinci yang telah mengambil kira input dan maklum balas yang komprehensif daripada semua pihak berkepentingan. Penghasilan pelan ini telah mendapat sokongan penuh daripada 12 Bahagian/Unit di LADA yang menyumbang input bagi penilaian risiko. Justeru, LADA amat yakin setiap inti pati PARLADA 2.0 telah pun mengambil kira senario dan permasalahan rasuah sama ada dalaman mahupun luaran sekiranya berlaku di LADA.

Bagi merealisasikan usaha ini, Unit Integriti LADA telah membangunkan PARLADA 2.0 berkesinambungan dengan PARLADA 2020-2024 bagi menangani isu tadbir urus, integriti dan antirasuah secara menyeluruh. Pelan ini akan bertindak sebagai kerangka bagi transformasi ke arah LADA yang bebas rasuah atau *zero tolerance of corruption*. Justeru, melalui PARLADA 2.0, seluruh warga kerja LADA diseru untuk terus komited bersama-sama memastikan pengurusan dan tadbir urus LADA bebas daripada amalan rasuah dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pemegang taruh dan komuniti di Langkawi.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah Organisasi LADA (PARLADA 2.0) 2025-2029 diterbitkan susulan PARLADA 2020-2024. PARLADA 2.0 merupakan hasil daripada komitmen penuh warga kerja LADA meliputi setiap Bahagian/Unit. Dokumen ini menggariskan dua (2) strategi utama dalam menangani permasalahan isu integriti, tatakelola, dan juga rasuah. Dua (2) strategi utama yang telah dikenal pasti untuk menangani permasalahan integriti, tatakelola dan rasuah di LADA ialah melalui pendidikan dan kebertanggungjawaban awam.

PENGENALAN

Merangkumi latar belakang organisasi dan bidang tugas utama (*core business*) LADA.

ISU DAN CABARAN

Merangkumi isu dan permasalahan, di samping analisis data (dalaman dan luaran) bagi menghasilkan pelan tindakan yang bersesuaian.

PENGUKUHAN ASPEK *GOVERNANS*, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH

Kerangka utama PARLADA 2.0 dan senarai pelan tindakan yang telah dihasilkan bagi mencapai visi dan misi PARLADA.

TADBIR URUS PARLADA

Menyentuh aspek berkaitan dengan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian.

KESIMPULAN

Merumuskan keseluruhan pelaksanaan pembangunan PARLADA 2.0.

"ALLAH SWT telah berfirman

"Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan."

-Amanah yang disebut dalam ayat di atas ialah merujuk kepada amanah terhadap manusia dengan mengotakan janji yang mana ia merupakan hak ke atas setiap orang Islam supaya tidak ditipu dan dikhianati baik pada perkara yang kecil mahupun yang besar-

(Surah al-Ahzab: 72)



PARLADA 2.0

*PELAN ANTIRASUAH
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI*



BAB 1:

PENGENALAN

1.1. LATAR BELAKANG

Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk merancang dan menggalakkan serta melaksanakan pembangunan di Pulau Langkawi. LADA dengan rasminya ditubuhkan pada 15 Mac 1990 di bawah Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 [Akta 423] dan diletakkan di bawah seliaan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). 12 Bahagian/Unit di LADA adalah bertanggungjawab menentukan hala tuju organisasi sebagai sebuah organisasi yang cemerlang dan berdaya saing seperti berikut:



1.2. FUNGSI DAN PERANAN

Peranan utama LADA dalam arus pembangunan Langkawi adalah sebagaimana fungsi-fungsi Lembaga seperti berikut:


1. Memajukan, mengalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam kawasan LADA
2. Memajukan dan mengalakkan kawasan LADA sebagai destinasi pelancongan dan kawasan bebas duti
3. Memajukan, mengalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan pelancongan dan infrastruktur serta pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan komersial dalam kawasan LADA
4. Sebagai penyelaras bagi sebarang pelaksanaan aktiviti dalam kawasan LADA

1.3. VISI, MISI DAN DASAR KUALITI



1.4. NILAI TERAS

Tiga (3) elemen utama dalam dasar pengurusan integriti LADA bagi memastikan pencapaian visi dan misi yang terdiri daripada nilai teras LADA seperti berikut:



1.5. DASAR TADBIR URUS BERINTEGRITI

Dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembanterasan rasuah telah menjadi keutamaan negara. Kerajaan telah membangunkan beberapa inisiatif utama di peringkat nasional iaitu Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) 2010, Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0) 2013, Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023, dan yang terkini Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028. Kerajaan Malaysia sentiasa peka dan berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menangani isu-isu integriti, governans dan antirasuah di dalam negara.

Pada 8 Jun 2018, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKMKPK) Siri 70 (Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) Siri 1) Bil. 1 Tahun 2018 yang dipengerusikan oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia ke-7, telah memutuskan supaya satu pelan antirasuah yang menyeluruh perlu dirangka untuk menangani isu berkaitan rasuah di negara ini. Bagi merealisasikan arahan tersebut, Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) dengan sokongan penuh daripada semua pemegang taruh yang berkaitan telah merangka pelan khusus yang dikenali sebagai NACP bagi menangani permasalahan rasuah, integriti dan tadbir urus di negara ini. Terkini, NACS bertindak sebagai panduan kepada sektor awam dan sektor swasta dalam menyediakan rangka kerja dan menunjukkan arah yang jelas untuk membanteras rasuah di setiap peringkat di samping penetapan matlamat yang jelas untuk mengukuhkan integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban semua pihak di seluruh negara.

1.6. KEPERLUAN PEMBANGUNAN PARLADA

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 telah dilancarkan pada 29 Januari 2019. Matlamat utamanya adalah untuk memastikan pengurusan pentadbiran Kerajaan bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta mencapai Aspirasi Nasional “Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah”. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, setiap pemegang taruh dikehendaki menangani permasalahan rasuah dengan membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) berdasarkan fungsi dan peranan organisasi masing-masing sepertimana inisiatif yang digariskan di bawah Bab 3: Memperkasakan NACP 2019-2023.

Pembangunan OACP merupakan satu inisiatif mandatori di bawah “Strategi 2: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam” yang mana telah mewajibkan semua sektor awam untuk membangunkan OACP dengan bantuan tiga (3) buah agensi iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) dan Institut Integriti Malaysia (IIM). NACP 2019-2023 menggariskan berkenaan keperluan pembangunan OACP di peringkat Kementerian/Agensi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi. Selaras dengan NACP, OACP hendaklah dirangka dengan mengambil kira Pelan bagi jangka masa 3 tahun atau 5 tahun pelaksanaan. Susulan itu, LADA telah membangunkan PARLADA 2020-2024 dan telah dilancarkan pada 21 Disember 2020 dengan mengambil kira kajian dan penilaian awal risiko-risiko rasuah meliputi semua Bahagian/Unit di LADA.

Sejajar dengan Aspirasi Nasional “Membangun Malaysia MADANI”, Kerajaan melalui Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah melancarkan NACS 2024-2028 pada bulan Mei 2024 bagi menggantikan NACP 2019-2023. Justeru, PARLADA 2.0 akan dilaksanakan dalam tempoh masa lima (5) tahun iaitu dari tahun 2025-2029 dan ruang lingkup pelaksanaan PARLADA 2.0 hendaklah merangkumi semua aspek berkaitan antirasuah, integriti dan tatakelola baik yang melibatkan semua bidang dan aktiviti yang terdapat dalam LADA.



PARLADA 2.0

PELAN ANTIRASUAH
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

BAB 2: **ISU DAN CABARAN**



2.1. ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH (TREN DAN IMPAK)

Berdasarkan Laporan Indeks Persepsi Rasuah atau *Corruption Perception Index* (CPI) tahun 2023 yang dikeluarkan oleh *Transparency International* (TI) Malaysia pada 30 Januari 2024, menunjukkan Malaysia berada di tangga ke-57 daripada 180 buah negara berbanding tangga ke-61 daripada 180 buah negara pada tahun 2022. Malaysia memperbaiki skornya daripada 47 ke-50, iaitu peningkatan tiga mata setelah penurunan berturut-turut semenjak 2019.

Menurut TI Malaysia, antara sebab-sebab yang menyumbang kepada peningkatan skor adalah kerana siasatan, tangkapan serta sabitan kes-kes berprofil tinggi SPRM sepanjang tempoh dua tahun lalu. Pihak SPRM amat komited dan bertekad untuk meneruskan usaha pencegahan dan operasi bagi menghapuskan gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam bidang kuasanya sebagai agensi penguat kuasa tunggal yang diamanahkan untuk membasmi rasuah di negara ini.

Bagi mencapai visi dan misi seperti yang dinyatakan dalam NACS, empat (4) sasaran khusus telah dikenal pasti sejajar dengan pola sasaran yang ditetapkan untuk CPI di bawah Rancangan Malaysia ke-12 dan Malaysia MADANI. Menjelang tahun 2028, Kerajaan menyasarkan kedudukan 83 peratus dalam kedaulatan undang-undang, 97 peratus dalam keberkesanan kerajaan, 76 peratus dalam cengkaman rasuah dan kedudukan ke-27 di dunia bagi Indeks Persepsi Rasuah. Sehubungan itu, mengambil kira fenomena-fenomena rasuah di peringkat negara dan visi dan misi NACS, LADA komited untuk memerangi gejala rasuah dan memastikan kelangsungan penyampaian perkhidmatan yang berintegriti kepada komuniti di Langkawi. LADA turut menyahut seruan meneruskan kerjasama strategik bersama agensi sektor awam untuk menambah baik strategi pencegahan dan pengurusan tatakelola baik demi mencapai hasrat kerajaan untuk meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-27 dalam pengukuran CPI menjelang 2028.

2.2. PEMBANGUNAN PARLADA

Sepanjang sesi pembangunan PARLADA 2.0 berlangsung, pelbagai data dan maklumat telah dianalisis bagi menentukan risiko dan bidang-bidang yang perlu diberi tumpuan oleh Bahagian/Unit dalam tempoh lima (5) tahun ke hadapan. LADA telah melaksanakan *Corruption Risk Management* (CRM) bagi mengenal pasti risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan antirasuah di LADA yang berupaya menjejaskan penyampaian perkhidmatan dan imej organisasi.

Antara mekanisme yang digunakan adalah seperti berikut:

1. Pelan *Corruption Risk Management* (CRM)

Pelan CRM LADA sedia ada dijadikan sebagai asas dalam pembangunan PARLADA 2.0 mengambil kira risiko/potensi risiko daripada Bahagian/Unit di LADA dalam melaksanakan fungsi masing-masing.

2. PARLADA 2020-2024

Pelan Antirasuah LADA sedia ada dijadikan panduan dan rujukan dalam Pembangunan PARLADA 2.0. Strategi keutamaan PARLADA 2.0 berfokuskan pendidikan dan kebertanggungjawaban awam di mana LADA selaku Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia yang menyampaikan perkhidmatan kepada pemegang taruh dan komuniti di Langkawi.

3. Status Penarafan Risiko Rasuah LADA Tahun 2023

Dapatan penarafan semula risiko LADA bagi tahun 2023 telah ditarafkan sebagai organisasi berisiko sederhana.

4. Pengemaskinian dan pengukuhan hasil input dan dapatan risiko-risiko governans, integriti dan antirasuah semasa daripada Bahagian/Unit

Sesi pengemaskinian input PARLADA 2.0 daripada setiap Bahagian/Unit di LADA telah dilaksanakan bermula Mac hingga Julai 2024 bagi memastikan setiap inisiatif yang dirangka mencapai objektif OACP yang telah disasarkan.

5. Pemurnian Dokumen PARLADA 2.0 melalui Sesi Pra Bengkel bersama Bahagian/Unit

Sesi Pra Bengkel mengikut sektor telah diadakan pada 12 September 2024 (Sektor Pengurusan) dan 17 September 2024 (Sektor Perancangan dan Pembangunan) bagi memuktamadkan input PARLADA 2.0 serta pemurnian potensi risiko dan pelan tindakan.

Pelantikan *Champions* PARLADA 2.0 berperanan sebagai wakil Bahagian/Unit bagi tujuan penyaluran, penyelarasan, pengesahan serta pengemaskinian maklumat dari masa ke masa.

6. Pelaksanaan Bengkel Semakan Akhir PARLADA 2.0

Bengkel Semakan Akhir PARLADA 2.0 telah dilaksanakan pada 6 hingga 8 November 2024 bertempat di Kuala Lumpur dengan penyertaan serta komitmen yang tinggi daripada pihak Pengurusan Tertinggi LADA.

7. Data-data dalaman organisasi seperti Laporan Kes Tatatertib, Aduan Integriti, Laporan Audit Dalam, dan Laporan Status Penarafan Risiko Rasuah LADA Tahun 2020 dan 2023.

8. Data-data daripada agensi luar seperti SPRM, GIACC, dan Biro Pengaduan Awam (BPA)

9. Input yang diperoleh melalui sesi libat urus langsung bersama-sama Pengurus Bahagian/ Ketua Unit LADA

2.3. ANALISIS DATA

Pelbagai sumber data dan maklumat telah diberi perhatian dalam usaha mengenal pasti risiko-risiko berkaitan tadbir urus, integriti dan rasuah di LADA. Hal ini penting bagi memastikan LADA sentiasa berada di tahap terbaik dari sudut penyampaian perkhidmatan dan imej organisasi. Justeru, Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah (OACP) LADA melalui Jawatankuasa Tatakelola (JTK) LADA telah menganalisis beberapa data yang berkaitan (sumber dalaman dan luaran) bagi membantu usaha mengenal pasti risiko-risiko yang berupaya menyumbang ke arah kelemahan, tadbir urus, integriti dan rasuah. Data-data yang dikaji diperolehi daripada Laporan Ketua Audit Negara (LKAN), Laporan Kes Tatatertib LADA, Maklumat Aduan SPRM terhadap LADA, Aduan Salah Laku di LADA, Laporan Audit Pengurusan Amalan Nilai (SPAN 2.0) Tahun 2023 dan sumber-sumber dalaman lain yang berkaitan.

Hasil dapatan kajian dan analisis tersebut, risiko dalaman dan luaran telah dikenal pasti bagi menentukan sebarang bentuk ancaman dan peluang yang berpotensi yang menyebabkan berlakunya perlakuan salah laku rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam kalangan warga kerja LADA. Pelan tindakan penambahbaikan dan inisiatif tambahan juga telah diwujudkan dan akan dilaksanakan terutama daripada segi pemantapan program yang dapat mengurangkan risiko antirasuah, isu integriti dan penambahbaikan tatakelola baik dalam kalangan warga kerja LADA.

2.3.1. ADUAN SALAH LAKU LADA

Berdasarkan laporan aduan salah laku tatakelakuan dan pelanggaran etika oleh warga kerja LADA bagi tempoh lima (5) tahun bermula tahun 2019 sehingga 2023, terdapat 29 kes aduan yang diadakan dan dibawa untuk pertimbangan Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM) LADA.

2.3.2. LAPORAN TATATERTIB

Bagi tempoh lima tahun bermula tahun 2019 sehingga 2023, terdapat lima (5) kes telah dibawa untuk pertimbangan Jawatankuasa Tatatertib (JKTT) LADA dan seramai tiga (3) orang Pegawai telah dikenakan tindakan tatatertib. Manakala, satu kes rayuan tatatertib telah diangkat untuk pertimbangan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib (JKRTT) LADA dan dikekalkan hukuman tatatertib ke atas Pegawai yang terlibat.

PARLADA 2.0

*PELAN ANTIRASUAH
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI*



BAB 3:

**PENGUKUHAN ASPEK GOVERNANS,
INTEGRITI DAN ANTIRASUAH**


3.1. KERANGKA UTAMA PARLADA 2.0

LADA mengakui betapa perlunya menangani masalah rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan salah laku integriti dalam organisasi. Kelekaan dan kecuaiian untuk menangani masalah rasuah dan integriti di dalam organisasi bukan sahaja boleh menjejaskan imej LADA malah boleh menghilangkan kepercayaan komuniti kepada LADA selaku agensi peneraju pembangunan di Langkawi.

Tanpa menoleh ke belakang dan terus melangkah ke hadapan, Pengurusan Tertinggi LADA telah menetapkan perancangan yang jauh lebih fokus dan berstruktur untuk memastikan visi **“Warga Kerja LADA Bebas Rasuah dan Salah Laku Integriti”** dapat direalisasikan seiring dengan Aspirasi Nasional iaitu “Membangunkan Malaysia MADANI” dan “Malaysia ke Arah Negara Bebas Rasuah dan Makmur”.

Bagi mencapai matlamat tersebut, LADA telah menetapkan **dua (2) strategi utama** dalam PARLADA 2.0 bagi menangani risiko rasuah dan salah laku integriti di LADA khususnya dalam sektor **Pendidikan** dan **Kebertanggungjawaban Awam**. Strategi ini akan juga didukung oleh empat (4) terma rujukan Jawatankuasa Tatakelola selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2023-Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional: Penubuhan Jawatankuasa Tatakelola Di Peringkat Persekutuan, Negeri Dan Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan iaitu melalui pengukuhan integriti warga kerja, memperkemas tadbir urus sedia ada dan pemerkasaan usaha pencegahan rasuah di LADA sejajar dengan kehendak NACS. Berikut merupakan kerangka PARLADA 2.0 seperti di rajah berikut:

STRATEGI KEUTAMAAN



3.2. STRATEGI UTAMA MENANGANI RISIKO

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan, dua (2) strategi utama akan diperkasakan bagi menangani 13 risiko dan potensi risiko rasuah di LADA meliputi aspek governans, integriti dan antirasuah yang telah dikenal pasti seperti berikut:

3.2.1. Pendidikan

Pembangunan sumber manusia dan modal insan adalah penting dalam sektor awam dan setiap warga kerja perlu mempunyai sikap (*attitude*), kemahiran (*skills*), dan pengetahuan (*knowledge*) yang berkaitan dengan integriti dan tadbir urus yang baik. Melalui program pembangunan sumber manusia dan pembelajaran berterusan, setiap warga kerja dapat mempersiapkan diri dalam memastikan penyampaian perkhidmatan adalah sentiasa di tahap yang terbaik. Justeru, seawal perkhidmatan, program-program dirancang untuk membina jati diri, nilai murni dan etika kerja yang berterusan selaras dengan kompetensi serta kehendak perkhidmatan di LADA. Penyampaian perkhidmatan awam adalah komponen penting dalam pentadbiran sektor awam. Fungsi teras LADA adalah untuk memenuhi hasrat kerajaan bagi memastikan komuniti Langkawi khususnya dan pelancong amnya dapat menikmati penyediaan perkhidmatan yang disediakan oleh LADA seperti pembangunan pelancongan, infrastruktur dan komuniti. Pembangunan yang bersistematik dapat memberikan limpahan ekonomi melalui jumlah ketibaan pelawat (*visitor arrival*) serta *tourism receipt*. Oleh yang demikian, warga kerja LADA bertanggungjawab melaksanakan dasar dan pelan yang ditetapkan dengan sumber manusia yang berkompentensi tinggi melalui pendekatan yang lebih luas dan bersistematik.

3.2.2. Kebertanggungjawaban Awam

Pengurusan kewangan dan perolehan tidak hanya bertujuan bagi memastikan sumber organisasi adalah mencukupi bagi melaksanakan aktiviti tetapi yang lebih penting adalah untuk mempamerkan akauntabiliti. Kelemahan dalam akauntabiliti boleh mendorong berlakunya penyelewengan seperti penipuan, kecurian dan aktiviti yang menyalahi undang-undang. Sekiranya terdapat kelemahan pada pengurusan kewangan dan perolehan yang dilaksanakan oleh organisasi, maka ia akan melibatkan peruntukan dan sumber kewangan yang besar. Oleh itu, setiap organisasi perlu melaksanakannya dengan cekap dan teratur agar kepentingan organisasi dapat dilindungi, tiada pembaziran dan ketirisan sumber kewangan yang digunakan.

Selain itu, sektor tadbir urus dan tatakelola merangkumi pengurusan hal ehwal pentadbiran sesebuah organisasi dalam melaksanakan fungsi dan matlamat organisasi tersebut. Perkara penting yang perlu diberi perhatian dan mencerminkan imej organisasi adalah penyampaian perkhidmatan yang ditawarkan oleh organisasi.

3.3. RINGKASAN KERANGKA PARLADA 2.0



3.4. STRATEGI PELAKSANAAN PARLADA 2.0

Berdasarkan kajian dan hasil dapatan penilaian semasa risiko secara menyeluruh, sebanyak 13 risiko dikenal pasti dan 49 pelan tindakan/inisiatif telah digariskan untuk diberikan keutamaan agar kelemahan dalam aspek integriti, governans dan rasuah dapat ditangani dengan sistematik. Perincian mengikut strategi adalah seperti berikut:



3.5. PELAN TINDAKAN PARLADA 2.0

STRATEGI 1: PENDIDIKAN

1.	Risiko / Potensi Risiko:	Manipulasi data / kebocoran maklumat / dokumen terperingkat oleh mana-mana individu ataupun pihak berkepentingan bagi Mesyuarat Lembaga Pengarah LADA / perolehan Jabatan
	Substrategi:	- Menghadiri Kursus Etika dan Integriti (<i>High Level Course</i>) terutama bagi Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi sekurang-kurangnya sekali setahun - Melaksanakan Kursus Keselamatan Dokumen Kerajaan - Melaksanakan inspektorat pengurusan rekod terperingkat dua (2) kali setahun
	Pelaksana :	BSMKP
	Tempoh Pelaksanaan:	Januari 2025 - Disember 2029

STRATEGI 1: PENDIDIKAN

2.	Risiko / Potensi Risiko:	Pengesahan palsu dan pembayaran terhadap perkhidmatan / bekalan / penyelenggaraan yang tidak disempurnakan (tuntutan palsu)
	Substrategi:	Penerangan berkaitan Prosedur Operasi Standard (SOP) kepada Bahagian / Unit secara berterusan
	Pelaksana :	KEW
	Tempoh Pelaksanaan:	Januari 2025 - Disember 2029
3.	Risiko / Potensi Risiko:	Penyediaan spesifikasi bagi pelaksanaan acara / program / projek yang tidak tepat / sempurna (manipulasi spesifikasi)
	Substrategi:	1.Kursus Tatacara Perolehan 2.Kursus Penyediaan Spesifikasi
	Pelaksana :	BSMKP
	Tempoh Pelaksanaan:	Januari 2025 - Disember 2029
4.	Risiko / Potensi Risiko:	Pegawai berjawatan sensitif dan memegang sesuatu jawatan berisiko menerima rasuah / suapan daripada pihak berkepentingan
	Substrategi:	Pelaksanaan <i>Individual Integrity Profile</i> (IIP) kepada Pegawai dan Kakitangan LADA
	Pelaksana :	UI
	Tempoh Pelaksanaan:	Januari 2025 - Disember 2029
5.	Risiko / Potensi Risiko:	Kelemahan tadbir urus pengurusan kewangan / perolehan / projek / pengauditan mendedahkan warga kerja dengan ketidakakuran dan risiko rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan <i>conflict of interest</i>
	Substrategi:	1.Kaji Selidik Pengurusan Integriti di LADA 2.Menganjurkan program / kursus berteraskan akauntabiliti, rasuah dan integriti 3.Majlis Ikrar Bebas Rasuah LADA 4.IBR bersama Bahagian/Unit LADA secara berkala
	Pelaksana :	UI
	Tempoh Pelaksanaan:	Januari 2025 - Disember 2029

STRATEGI 2: KEBERTANGGUNGJAWABAN AWAM

1.	Risiko / Potensi Risiko:	Campur tangan individu / pihak berpengaruh dalam proses: i. pengambilan dan pelantikan kakitangan ii. penilaian pelaburan bagi kelulusan projek pelaburan iii. perolehan tanah
	Substrategi:	1.Penguatkuasaan Garis Panduan LADA <i>Recruitment</i> 2.Penguatkuasaan Sistem Online LADA <i>Recruitment</i> 3.Penubuhan jawatankuasa bagi penilaian projek pelaburan untuk diperakukan kepada Lembaga Pengarah LADA seperti berikut: i) Panel Penasihat Pelaburan LADA (setiap 2 tahun) ii) Jawatankuasa Penilaian Projek Pelaburan (J3P) 4.Pelantikan Jawatankuasa Bank Tanah bagi menilai tanah yang ingin dilakukan perolehan
	Pelaksana :	1.BSMKP 2. BSMKP 3. PP,PER & KEW 4.PER
	Tempoh Pelaksanaan:	Januari 2025 - Disember 2029

2.	Risiko / Potensi Risiko:	Kelemahan tadbir urus pengurusan kewangan / perolehan / projek / pengauditan mendedahkan warga kerja dengan ketidakakuran dan risiko rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan <i>conflict of interest</i>
	Substrategi:	1.Pematuhan garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Kewangan Malaysia 2.Semakan semula perancangan perolehan secara berkala 3.Peraturan menetapkan pelantikan pembekal / kontraktor adalah di kalangan yang disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian 4.Memilih Ahli Jawatankuasa yang telus melalui Lembaga Perolehan / Jawatankuasa Sebut Harga mengikut syarat-syarat yang ditetapkan 5.Penggiliran Ahli Jawatankuasa yang terlibat dalam perolehan 6.Penguatkuasaan pengisytiharan Ahli Lembaga Pengarah dan CEO Syarikat Subsidiari LADA 7.Melaksanakan siasatan prestasi perunding / kontraktor secara semak silang projek yang telah dilaksanakan 8.Kawalan ke atas penyeliaan prosedur kewangan 9.Mewujudkan / mengemas kini Garis Panduan Pengauditan UAD 10.Penguatkuasaan dan pelaksanaan <i>Vendor Integrity Checklist</i>
	Pelaksana :	1.BSMKP 2. BSMKP 3. Jawatankuasa Perolehan LADA 4.BSMKP 5.BSMKP 6.BSMKP 7.TEK & BSMKP 8.KEW 9.UAD 10. UI
	Tempoh Pelaksanaan:	Januari 2025 - Disember 2029

STRATEGI 2: KEBERTANGGUNGJAWABAN AWAM

3.	Risiko / Potensi Risiko:	Ketidaktelusan	pengurusan	kutipan	hasil
	Substrategi:	1. Penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) Kutipan Hasil 2. Perjanjian yang jelas dengan perincian <i>exit clause</i> dan liabiliti bagi kedua-dua pihak 3. Pemantauan penggunaan fasiliti milik LADA 4. Naziran berkala bagi pematuhan pengurusan kutipan hasil			
	Pelaksana :	1. KEW 2. Pemilik Projek, KEW & UU 3. BSMKP 4. UAD			
	Tempoh Pelaksanaan:	Januari 2025 - Disember 2029			
4.	Risiko / Potensi Risiko:	Pengesahan palsu dan pembayaran terhadap perkhidmatan / bekalan / penyelenggaraan yang tidak disempurnakan			
	Substrategi:	1. Pemeriksaan mengejut dan pemantauan 2. Pengesahan kesempurnaan bekalan perkhidmatan oleh Pegawai Kedua 3. Penganjuran acara dijalankan melalui kerjasama strategik			
	Pelaksana :	1. UAD 2. KEW 3. PEL			
	Tempoh Pelaksanaan:	Januari 2025 - Disember 2029			
5.	Risiko / Potensi Risiko:	Pegawai menerima gratifikasi daripada pihak ketiga yang melibatkan pemalsuan dokumen, maklumat, atau laporan bagi: i. mendapatkan projek ii. mempengaruhi syor / cadangan / rayuan iii. memperakukan kelulusan bayaran projek / kontrak iv. kelulusan permohonan perniagaan / perumahan di premis milikan LADA			
	Substrategi:	1. Penguatkuasaan peraturan / prosedur yang sedia ada 2. Semak silang secara rawak / pemeriksaan mengejut ke tapak projek 3. Semakan terma rujukan Jawatankuasa Perumahan, Produk Komersial dan Fasiliti (JKPF) LADA 4. Semakan semula Prosedur ISO Sewaan Perumahan, Premis Niaga dan Fasiliti 5. Menilai semula AKPE Pengurusan Rumah Sewa			
	Pelaksana :	1. TEK, PER & BSMKP 2. TEK 3. BSMKP 4. BSMKP 5. BSMKP			
	Tempoh Pelaksanaan:	Januari 2025 - Disember 2029			

STRATEGI 2: KEBERTANGGUNGJAWABAN AWAM

6.	Risiko / Potensi Risiko:	Penyalahgunaan aset ICT (perkakasan dan perisian) untuk tujuan peribadi
	Substrategi:	Mewujudkan garis panduan penggunaan aset ICT
	Pelaksana :	BTM
	Tempoh Pelaksanaan:	Januari 2025 - Disember 2029
7.	Risiko / Potensi Risiko:	Manipulasi data / kebocoran maklumat / dokumen terperingkat oleh mana-mana individu ataupun pihak berkepentingan bagi Mesyuarat Lembaga Pengarah LADA / perolehan Jabatan
	Substrategi:	1. Penyediaan Prosedur Operasi Standard Pengendalian Dan Penghantaran Maklumat Dan Dokumen Rasmi / Rahsia Rasmi 2. Pemantauan dan penguatkuasaan secara berterusan Arahan Ketua Pegawai Eksekutif Bilangan 4 Tahun 2020 berkaitan Pengurusan Keselamatan Dokumen Rahsia Rasmi Jabatan 3. Melaksanakan siasatan khas terhadap pegawai yang terlibat 4. Garis Panduan Penetapan Bidang Kuasa Yang Jelas Bagi Urusan Projek & Program LUGGp
	Pelaksana :	1. BSMKP 2. DMO 3. UAD 4. PEL
	Tempoh Pelaksanaan:	Januari 2025 - Disember 2029
8.	Risiko / Potensi Risiko:	Potensi untuk mendapat maklumat / info palsu daripada permohonan bantuan projek kecil di bawah Pembangunan Komuniti Setempat dan sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) LADA
	Substrategi:	1. Lawatan Tapak Projek 2. Mesyuarat Jawatankuasa Projek Kecil Komuniti 3. Penguatkuasaan Garis Panduan (PK 2.12 – Pelaksanaan Secara Kaedah Gotong Royong) 4. Penambahbaikan Polisi CSR LADA
	Pelaksana :	UKK
	Tempoh Pelaksanaan:	Januari 2025 - Disember 2029

STRATEGI 2: KEBERTANGGUNGJAWABAN AWAM

9.	Risiko / Potensi Risiko:	Risiko menawarkan sewaan tanah kepada pihak yang mempunyai konflik kepentingan
	Substrategi:	Kelulusan Jawatankuasa Perancangan bagi permohonan sewaan baharu
	Pelaksana :	PER
	Tempoh Pelaksanaan:	Januari 2025 - Disember 2029
10.	Risiko / Potensi Risiko:	Pihak syarikat mendapat projek / tawaran / sebut harga menerusi saluran yang tidak selari dengan prosedur semasa LADA
	Substrategi:	Membuat <i>due diligence</i> berkaitan: i. Semakan entiti dan latar belakang Syarikat ii. Semakan latar belakang Pengarah iii. Semakan dokumentasi berkaitan (<i>discovery of document</i>)
	Pelaksana :	Pemilik Projek & UU
	Tempoh Pelaksanaan:	Januari 2025 - Disember 2029
11.	Risiko / Potensi Risiko:	Terma perjanjian tidak menjaga kepentingan LADA berkaitan antirasuah
	Substrategi:	Semakan bersama Pemilik Projek berkaitan terma rujukan
	Pelaksana :	Pemilik Projek & UU
	Tempoh Pelaksanaan:	Januari 2025 - Disember 2029

Glosari

UI	Unit Integriti
UAD	Unit Audit Dalam
UU	Unit Undang-Undang
UKK	Unit Khidmat Korporat
DMO	Unit Pemantauan dan Pelaksanaan
BSMKP	Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan
PP	Bahagian Pelaburan dan Pemudahcara Perniagaan
TEK	Bahagian Kejuruteraan Teknikal
PER	Bahagian Perancangan
PEL	Bahagian Pelancongan
KEW	Bahagian Kewangan
BTM	Bahagian Teknologi Maklumat

PARLADA 2.0

PELAN ANTIRASUAH
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

BAB 4: **TADBIR URUS PARLADA**

4.1. MEKANISME PELAKSANAAN

- 4.1.1. Selaras dengan usaha untuk memastikan inisiatif antirasuah LADA dilaksanakan secara cekap dan sistematik, Unit Integriti LADA bertindak sebagai Sekretariat Penyelaras PARLADA 2.0 yang berperanan memantau, menilai dan melapor pencapaiannya. Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) LADA yang juga Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan PARLADA 2.0 hendaklah berfungsi sebagai platform utama yang menerima laporan, membincangkan dan membuat keputusan dan memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif OACP sepertimana yang dinyatakan dalam perkara 6.1.8 Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 Pemantapan Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.
- 4.1.2. Bagi memantapkan sistem pemantauan pelaksanaan PARLADA 2.0, keterlibatan dan kerjasama yang menyeluruh daripada pihak Pengurusan Tertinggi, warga kerja LADA, pelanggan dan pemegang taruh adalah penting agar PARLADA 2.0 bergerak seiring dengan Aspirasi Nasional dan NACS yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. JTK LADA turut melaksanakan tugas-tugas seperti berikut:
- a. Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola Peringkat Kementerian Kewangan Malaysia
 - Melaporkan status pencapaian dan pelaksanaan PARLADA 2.0;
 - Membincangkan isu-isu berkenaan integriti, governans dan rasuah di Jabatan; dan
 - Membentangkan amalan terbaik/*best practices* berkaitan tadbir urus.
 - b. Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola LADA
 - Pembentangan status pencapaian dan pelaksanaan inisiatif di bawah PARLADA 2.0 sebanyak dua (2) kali setahun pada bulan September (pelaporan Januari hingga Jun) dan Februari (pelaporan Julai hingga Disember);
 - Mengenal pasti penyelesaian terbaik isu-isu berkenaan integriti, governans dan rasuah di LADA; dan
 - Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan organisasi.

4.2. MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

4.2.1. *Champions* PARLADA 2.0 Bahagian/Unit perlu melaksanakan pemantauan:

- i. Membuat perbandingan pencapaian dengan sasaran;
- ii. Membincangkan segala kekangan atau cabaran dalam Mesyuarat Pengurusan Bahagian/Unit; dan
- iii. Menyediakan pelaporan kepada Unit Integriti pada setiap bulan Ogos (pelaporan Januari hingga Jun tahun semasa) dan pada setiap bulan Januari (pelaporan Julai hingga Disember).

4.2.2. Unit Integriti selaku Urus Setia induk PARLADA 2.0 perlu melaksanakan penyelarasan seperti berikut:

- i. Menasihati dan mengenal pasti penyelesaian terbaik untuk PARLADA 2.0;
- ii. Melaporkan status pelaksanaan PARLADA 2.0 setiap dua kali setahun kepada Pengurusan Tertinggi melalui JTK LADA; dan
- iii. Bahagian/Unit perlu mengemukakan status pelaksanaan inisiatif pada bulan Januari dan Ogos (dua kali setahun) kepada Unit Integriti.

4.2.3. Penilaian terhadap keberkesanan PARLADA 2.0 hendaklah dilaksanakan dari semasa ke semasa yang bertujuan untuk:

- i. Mengenal pasti kelemahan dan kekuatan setiap substrategi yang dirangka ;
- ii. Menilai sama ada substrategi menyokong ke arah objektif yang ingin dicapai;
- iii. Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan seperti yang dirancang; dan
- iv. Memberikan maklum balas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan.



PARLADA 2.0

*PELAN ANTIRASUAH
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI*

BAB 5: KESIMPULAN





LADA sebagai Badan Berkanun Persekutuan tidak terkecuali daripada ancaman amalan rasuah dan penyelewengan melibatkan warga kerja dalam organisasi. Usaha memerangi rasuah harus sentiasa dijadikan agenda utama khususnya di peringkat organisasi dengan melaksanakan pelbagai program kesedaran, pemerkasaan kawalan dalaman serta mengenakan tindakan yang tegas terhadap mana-mana warga kerja yang melakukan kesalahan tatatertib mahupun jenayah. Selaras dengan itu, **PARLADA 2.0** yang dibangunkan ini bertindak sebagai wawasan kerangka kerja untuk menjadikan LADA sebagai peneraju pembangunan Pulau Langkawi yang juga mempunyai warga kerja yang berkompentensi tinggi.

PARLADA 2.0 telah menggariskan pelan tindakan antirasuah bagi tempoh satu (1) hingga lima (5) tahun untuk dilaksanakan yang mana meliputi 13 risiko/potensi risiko dan disokong dengan 49 substrategi. **PARLADA 2.0** bertindak sebagai kawalan dalaman yang memainkan peranan penting untuk memastikan sebarang risiko rasuah dapat ditangani dengan berkesan.

Bagi memastikan keberkesanan **PARLADA 2.0**, pelaksanaan keseluruhan inisiatif akan dipantau secara berterusan dan penilaian setiap tahun akan dilaksanakan. Keberkesanan setiap inisiatif akan dinilai mengikut perkembangan semasa supaya selari dan menepati hasrat yang diharapkan. Komitmen semua pihak sebagai pemangkin utama kepada kejayaan pelaksanaan **PARLADA 2.0** dan secara langsung dapat dijadikan panduan yang jelas berkaitan antirasuah kepada seluruh warga kerja.

Pembangunan **PARLADA 2.0** ini merupakan gambaran komitmen penuh LADA bagi merealisasikan usaha Kerajaan untuk memantapkan tadbir urus, integriti dan antirasuah sejajar dengan Aspirasi Nasional “Membangun Malaysia MADANI” dan “Malaysia ke Arah Negara Bebas Rasuah dan Makmur” sejajar dengan NACS 2024-2028.

Selain itu, **PARLADA 2.0** juga menjelaskan mekanisme penyelarasan, pemantauan dan penilaian bagi memastikan substrategi yang dirangka di bawah **PARLADA 2.0** dapat dilaksanakan seperti yang dirancang dengan berkesan. Bahkan **PARLADA 2.0** ini dilihat sebagai satu “*living document*” yang akan sentiasa dikaji dan dikemaskini mengikut relevansi perubahan semasa.

RASULULLAH SAW

bersabda yang bermaksud

"Apabila Allah menghendaki kebaikan bagi seseorang raja atau pemimpin itu, nescaya dijadikan baginya pembantu menteri atau penasihat yang benar dan ikhlas. Jika pemimpin itu lupa atau leka, nescaya diberikan peringatan, jika pemimpin itu mengingati, nescaya akan diberikan pertolongan kepadanya. Sebaliknya jika Allah menghendaki selain daripadanya keburukan kepada pemimpin itu, nescaya dijadikan baginya pembantu yang jahat. Jika pemimpin itu lupa dan lalai, nescaya tidak diberikan peringatan, dan jika dia mengingati, nescaya tidak akan diberikan pertolongan kepadanya"

(Riwayat Abu Dawud)

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dirakamkan kepada Pengurusan Tertinggi Lembaga Pembangunan Langkawi dan semua pihak dan individu yang terlibat di dalam pembangunan **PELAN ANTIRASUAH LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI atau PARLADA 2.0 (2025-2029).**

Penaung

Dato' Haslina Binti Abdul Hamid

Penasihat

Tuan Haji Ahmad Fuad Bin Che Ani@Abd Ghani

Tuan Wan Kamarul Faisal Bin Wan Kamardin

Ahli Jawatankuasa Pembangunan PARLADA 2.0

Dr. Azmil Munif Bin Mohd Bukhari

Ahmad Fuad Bin Ishak

Nor Adill Bin Bahatim

Saniah Binti Ismail

Sharudin Bin Hassan

Waffa Wahida Binti Zainol

Lina Azlina Binti Zali

Mariam Binti Tajudin

Ts. Muhammad Fakhari Bin Dato' Che Pee

Intan Nor Asiah Binti Md Rejab

Mohd Tarmizi Bin Mohd Tajuddin

Urus Setia PARLADA 2.0

Nur Fairuz Shahirah Binti Ab Jelani

Wan Suffurinaz Binti Wan Sulaiman

Roshasnita Binti Roski

Wan Nor Asyikin Binti Wan Ismail

Champions Bahagian/Unit PARLADA 2.0

Sektor Pengurusan:

Shariffah Aemee Dianna Binti Syed Mohamed (BSMKP)
Muhammad Khairi Bin Azizan (BSMKP)
Mohd Rohaizad Bin Abdul Razak (BSMKP)
Norazizah Binti Abdul Jalil (KEW)
Mohd Hadrulladtfi Bin Mamat (BTM)
Ts. Siti Shatirah Binti Yusoff (TEK)
Muhamad Yusuf Bin Mohamad Ali (DMO)
Nor Amira Binti Man (UKK)

Sektor Perancangan Dan Pembangunan:

Lar. Siti Norsuhada Binti Che Man (PER)
Norasilah Binti Amir (PEL)
Ayu Afziana Binti Abu Bakar (PEL)
Selyhazli Binti Razalli (PP)
Fatimah Binti Baharuddin (UU)
Norsyarida Binti Md Nazdir (UAD)
Wan Nor Asyikin Binti Wan Ismail (UI)



Diterbitkan Oleh :



Unit Integriti

Lembaga Pembangunan Langkawi
Aras M2 Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra
07000 Langkawi, Kedah Darul Aman

No. Tel : 04-9600 770/771/784/786

E-mel : integriti@lada.gov.my

Laman Web : www.lada.gov.my

Hak Cipta Terpelihara
@Lembaga Pembangunan Langkawi 2024

Dicetak Oleh:

KMK Printing and Graphic Sdn.Bhd
177-178, Kompleks Shahab Perdana
05150 Alor Setar